

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 SEPTEMBER 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Langkawi Dilengkapi Sistem Amaran Awal Tsunami – KP METMalaysia	Bernamea.com
2.	Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Hingga Jumaat	Bernamea.com
3.	Sekretariat Jawatan Kuasa Bencana Terengganu Siap Sedia Hadapi Banjir	Bernamea.com



Langkawi Dilengkapi Sistem Amaran Awal Tsunami - KP METMalaysia

LANGKAWI, 7 Sept (Bernama) -- Langkawi kini dilengkapi sistem amaran awal Tsunami dengan pemasangan kelengkapan pengesan dan amaran di beberapa lokasi di pulau ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi (METMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail berkata kelengkapan itu termasuk dua buah stesen tolok pasang surut, sebuah stesen pergerakan kuat, satu sistem kamera pantai dan lima unit sistem siren Tsunami.

Berucap merasmikan program Table Top Exercise Tsunami (TTX-Langkawi) di sini, beliau berkata Langkawi adalah antara tempat yang terdedah kepada ancaman Tsunami dan kelengkapan yang ada mampu menyebarkan maklumat tentang kejadian itu dalam tempoh lapan minit selepas Tsunami dikesan.

"Usaha-usaha sedang diambil untuk terus menyelenggara sistem amaran awal Tsunami negara kita agar sentiasa berfungsi dengan baik," katanya dalam teks ucapannya yang dibacakan Timbalannya, Dr Mohd Rosaidi Che Abas.

Menurutnya, kelengkapan di pulau ini menjadi sebahagian dari sistem amaran awal negara yang merangkumi 63 buah stesen seismik bagi memantau kejadian gempa bumi dalam negara dan serantau, 17 stesen tolok pasang surut dan sebuah pelampung pengesan ombak Tsunami.

Che Gayah berkata sejak 2006, sebanyak 12 latihan amali tentang Tsunami telah diadakan di seluruh negara di mana tiga daripadanya berlangsung di Langkawi.

"Sebanyak 95 program kesedaran awam mengenai gempa bumi dan Tsunami serta kempen kesedaran awam siren Tsunami juga telah diadakan, di mana 13 daripadanya dijalankan di Kedah yang mana tiga daripadanya adalah di Langkawi," katanya.

Beliau berkata program TTX-Langkawi merupakan program anjuran bersama METMalaysia dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk memantapkan lagi tahap kesiapsiagaan menghadapi bencana Tsunami.

Seramai 150 orang peserta yang mewakili agensi teknikal dan pengurusan bencana negara menyertai program itu yang melibatkan pembentangan dua kertas kerja dan latihan dalaman.

Katanya latihan ini juga sejajar dengan program Indian Ocean Tsunami Wave Exercise 2016 (IOWAVE16) anjuran Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Hingga Jumaat

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Angin kencang barat daya berkelajuan 40-50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter di kawasan perairan Phuket sejak Selasa dijangka berterusan sehingga Jumaat, 9 Sept.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut, menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia di sini, Rabu.

Jabatan itu turut mengeluarkan amaran ribut petir di perairan Samui, Tioman, Condore, Bunguran dan Reef North yang dijangka berterusan sehingga lewat malam ini.

Keadaan tersebut juga dijangka berlarutan ke kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sarawak (Rejang dan Mukah).

Keadaan ini menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak setinggi 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil serta aktiviti rekreasi dan sukan laut.

-- BERNAMA



Sekretariat Jawatan Kuasa Bencana Terengganu Siap Sedia Hadapi Banjir

KUALA TERENGGANU, 7 Sept (Bernama) -- Jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan banjir di Terengganu sudah bersiap sedia dengan pelbagai pelan tindakan bagi memastikan impak kerosakan terhadap harta benda dan kemudahan infrastruktur sedia ada di tahap minima.

Urusetia Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Terengganu, Left Kolonel (PA) Che Adam A Rahman berkata semua pihak terlibat juga telah selesai mengadakan mesyuarat mengenai persiapan menghadapi banjir.

"Antara rumusan mesyuarat ialah persediaan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu untuk menyambut Bulan Kesiapsiagaan Nasional dan Simulasi Pengurusan Bencana pada Oktober depan.

"Ia melibatkan kerjasama antara Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) Jabatan Perdana Menteri, kerajaan Terengganu, Pejabat Daerah Kemaman dan semua jabatan serta agensi kerajaan di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri serta Daerah.

"Ini antara persediaan awal penglibatan orang awam agar lebih bersedia dan tahu tindakan perlu diambil sebelum, semasa dan selepas bencana banjir berlaku dan diharap pelbagai program diadakan sepanjang sambutan bulan Kesiapsiagaan Nasional ini dapat membantu orang awam membuat persiapan sepatutnya," katanya dalam kenyataan Rabu.

Selain itu, Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Terengganu meramalkan beberapa negeri di Semenanjung khususnya di kawasan Pantai Timur termasuk Terengganu akan mengalami fenomena Monsun Barat Daya bermula Mei sehingga bulan ini, dengan keadaan cuaca secara relatifnya kering berbanding peralihan monsun sebelum ini.

"Sementara ramalan Fenomena Monsun Timur Laut akan bermula pada November depan sehingga Mac 2017, dan jabatan itu melaporkan mempunyai 15 Stesen Meteorologi dan Stesen Aukiliari Terengganu meliputi kesemua daerah di Terengganu.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Terengganu pula mewujudkan Stesen Pemantauan dan Amaran Banjir 2016 iaitu 38 Stesen, 23 Stesen Siren Amaran dan lapan Stesen Web Kamera.

"Sistem Web Kamera Pemantauan Banjir disediakan terletak di Kampung Gong Terap dan Kampung Buluh di Setiu, jambatan Jerteh dan Kampung La di Besut, Kampung Paya (Dungun), Kampung Kepah (Hulu Terengganu), Kampung Baru Kemasik dan jambatan Teladas di Air Putih, Kemaman," katanya.

Katanya JPS Terengganu juga menyatakan sekiranya berlaku keamatan hujan yang tinggi iaitu lebih 100 mm/sehari dan berterusan selama lebih 48 jam serta aras air laut tinggi (aras setinggi 2.50-2.80m), berkemungkinan banjir berlaku.

-- BERNAMA